

24 JAN 1996

Salleh-penggiliran

SERAHKAN KEPADA PM JIKA BN SABAH TIDAK BOLEH PUTUSKAN, KATA SALLEH

KOTA KINABALU, 24 Jan (Bernama) -- Isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah akan diputuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekiranya Barisan Nasional (BN) Sabah gagal menyelesaikan perkara itu.

Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak hari in berkata Dr Mahathir telah berkata beliau bersedia membuat keputusan itu tetapi dengan jaminan bahawa BN Sabah menyerahkan perkara itu kepadanya.

"Sekiranya tidak ada persetujuan (berhubung isu penggiliran itu) memandangkan setiap parti komponen mempunyai pandangan berbeza, adalah lebih wajar dibiarkan perkara itu diputuskan oleh Perdana Menteri," katanya kepada pemberita setibanya di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini selepas menemui Dr Mahathir di Kuala Lumpur semalam.

Salleh berkata sekiranya sebahagian daripada parti komponen tidak dapat memberikan keputusan atau tidak mahu mengumumkannya secara terbuka, lebih baik diserahkan perkara itu kepada Perdana Menteri untuk memutuskannya.

Salleh, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, berkata beliau telah menyampaikan pendirian tegas Umno menentang penggiliran jawatan Ketua Menteri itu.

"Saya telah memaklumkan kepada Perdana Menteri dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai pendirian Umno Sabah. Kami (Umno Sabah) akan membincangkan perkara itu sekali lagi pada Sabtu ini dan jika terdapat sebarang perkembangan baru, kami akan memaklumpkannya kepada mereka," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir telah memaklumkan kepadanya bahawa Umno Sabah perlu mengemukakan sebarang rayuan atau permintaan, jika ada, mengikut saluran parti.

Cadangan untuk menggilirkan jawatan itu setiap dua tahun antara tiga kaum di Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina -- masih tidak dapat diselesaikan berikutan kegagalan BN Sabah memutuskan perkara itu pada mesyuaratnya pada 8 Jan lalu.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee yang mempengerusikan mesyuarat itu atas kedudukannya sebagai Pemangku Pengerusi BN Sabah semasa Salleh bercuti, berkata tidak ada keputusan dicapai mengenai perkara itu pada mesyuarat selama dua jam itu.

"Saya tidak berpeluang lagi untuk menemui Yong tetapi apa yang penting di Sabah ialah kestabilan politik dan parti-parti komponen BN Sabah perlu membuat sesuatu keputusan agar mereka dapat mengemukakannya kepada Perdana Menteri," kata Salleh.

Salleh berkata beliau akan menemui setiap pemimpin parti komponen BN di Sabah untuk menyampaikan pandangannya mengenai perkara itu kerana beliau berpendapat tidak perlu memanggil satu lagi mesyuarat BN Sabah.

Beliau berkata perkara itu perlu diputuskan sebelum tempohnya memegang jawatan berakhir pada 17 Mac.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup, yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah, berkata beliau akan memanggil mesyuarat majlis tertinggi pada minggu depan untuk berbincang dan membuat pendirian rasmi berhubung perkara itu.

"Saya akan menyampaikan pendirian parti kepada Perdana Menteri selepas itu," katanya ketika ditemui di lapangan terbang selepas menyambut ketibaan Salleh. -- BERNAMA